


Kisah Kejayaan

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	PI1M KG SG.MASIN
Location Lokasi	KG SG.MASIN, BATANG KALI, HULU SELANGOR
Name of person(s) Nama	SITI NURUL NAJIHA BINTI YUSOF
Details of person (s) Butiran diri	Umur 15 Tahun Jantina : Perempuan Taraf pendidikan : SMSM Batang Kali
Success story Kisah kejayaan	1. Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda Sejak saya masuk ke alam persekolahan di sekolah menengah, hampir kesemua kerja sekolah yang diberikan harus disiapkan dengan menggunakan komputer seperti kerja kursus dan folio. Saya menggunakan internet sepenuhnya untuk mencari maklumat berkenaan kerja kursus dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Saya juga menggunakan internet untuk berhubung dengan rakan-rakan sekolah serta menghantar sebarang dokumen melalui emel. 2. Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet. dengan adanya kemudahan internet, segala kerja boleh diselesaikan dengan lancar dan cepat. Tetapi, oleh kerana rumah saya tiada kemudahan internet, saya pergi ke Pusat Internet berhampiran untuk menggunakan internet. Internet juga memudahkan pelajar untuk mendapat pelbagai info-info terkini dan perkembangan semasa Negara mahupun luar negara. Saya juga kerap membeli barangan melalui internet seperti tudung dan baju. Jadi, masa membeli tersebut boleh dikurangkan dan saya juga dapat focus kepada perkara yang lebih penting.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Keterangan gambar Photo caption	 Gambar yang diambil semasa najiha sedang mencari maklumat kerja kursusnya
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	 Gambar yang diambil ketika Najiha menggunakan Microsoft word untuk menyiapkan tuagannya.
Feedback Maklumbalas	1. Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M? Pada mulanya saya beranggapan Pusat Internet ini sama seperti Pusat Internet di pekan. Tetapi ternyata Pusat Internet menawarkan lebih banyak perkhidmatan selain dari penggunaan internet. Pusat internet juga mempunyai ruangan surf yang lebih luas serta sesuai untuk membuat kerja-kerja sekolah saya. Tempatnya juga dingin dan bersih.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	2. Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M? Tarikan utama kami untuk datang ke Pi1M adalah untuk menggunakan perkhidmatan seperti internet, Photostat, printing, binding, scanning dan sebagainya. Oleh kerana kedai yang menawarkan perkhidmatan tersebut terletak agak jauh dari taman perumahan, jadi saya dan kawan-kawan saya lebih suka menggunakan perkhidmatan yang tersedia di sini. Harga yang ditawarkan juga lebih berpatutan berbanding di kedai-kedai lain. 3. Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain? Dengan adanya kelas dan latihan yang ditawarkan, penduduk sekitar Sg.Masin dapat menikmati manfaat serta ilmu terutama dari segala segi mengenai komputer dan berkaitan dengannya. Pi1M juga bukn sahaja memberi perkhidmatan yang disebutkan, malahan juga menjadi stop center bagi memudahkan komuniti setempat. Perkhidmatan yang terkini yang saya tahu adalah perkhidmatan pemeriksaan darah secara percuma. Pusat internet juga memberi kemudahan seperti pembayaran bil dan top-up. Ini dapat memudahkan saya untuk membeli topup tanpa perlu ke pekan. Saya juga boleh membayarkan bil-bil mak saya tanpa perlu ke pejabat pos. 4. Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain. Kami mencadangkan agar PI1M mengadakan aktiviti bersama pihak sekolah seperti Klik Dengan Bijak atau program ICT serta membawa pelbagai hadiah untuk menarik para pelajar untuk datang ke Pusat Internet di Sg.Masin.

